

CLAMOVID BID FORTE GRANULES

Amoxicillin Trihydrate / Potassium Clavulanate (457 mg/5 ml)

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Clamovid BID Forte
2. Bagaimana Clamovid BID Forte berfungsi
3. Sebelum menggunakan Clamovid BID Forte
4. Cara menggunakan Clamovid BID Forte
5. Semasa menggunakan Clamovid BID Forte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clamovid BID Forte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Clamovid BID Forte

Clamovid BID Forte digunakan untuk merawat jangkitan bakteria seperti jangkitan telinga dan sinus, saluran pernafasan, saluran kencing, kulit dan tisu lembut.

Bagaimana Clamovid BID Forte berfungsi

Clamovid BID Forte mengandungi dua bahan aktif amoxicillin dan clavulanic acid. Kedua-dua bahan tersebut adalah antibiotik yang berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Clamovid BID Forte

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Clamovid BID Forte jika:

- Anak anda mempunyai alahan terhadap amoxicillin, *clavulanic acid*, antibiotik lain berasaskan penicillin, antibiotik jenis cephalosporin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Anak anda pernah mempunyai masalah hati atau jaundis (kekuningan pada kulit dan/atau putih mata) apabila mengambil antibiotik.

- Anak anda menghidap mononukleosis berjangkit (jangkitan virus yang menyebabkan demam, sakit tekak, dan kelenjar bengkak).

- Sebelum menggunakannya

Berhati-hati dan dapatkan nasihat daripada doktor anda jika anak anda:

- mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- mempunyai sejarah cirit-birit semasa atau selepas rawatan dengan antibiotik.
- mempunyai alahan seperti asma, ekzema, *hay fever* (alahan yang menyebabkan bersin, batuk dan mata gatal) atau geligata.
- mempunyai sejarah penyakit berkaitan masalah pendarahan.
- mempunyai masalah perut atau usus, terutamanya *colitis* (radang pada lapisan dalam usus besar).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anak anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anak anda sedang mengambil:

- Probenecid dan allopurinol (digunakan untuk merawat gout)
- Ubat cair darah atau ubat untuk melarutkan darah beku (*thrombolytic agents*)
- Pil perancang
- Antibiotik lain seperti chloramphenicol, erythromycin, sulphonamides atau tetracycline

Cara menggunakan Clamovid BID Forte

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Sediakan ubat ini dengan mengisi botol separuh dengan air. Tutup botol dan goncang dengan kuat sehingga serbuk larut. Biarkan selama 5 minit. Kemudian, tambah air sehingga tanda 70 ml dan goncang sekali lagi.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk jangkitan ringan hingga sederhana:

- Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun (13–21 kg): ½ sudu teh (2.5 mL) dua kali sehari
- Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun (22–40 kg): 1 sudu teh (5 mL) dua kali sehari

Untuk jangkitan yang teruk:

- Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun (13–21 kg): 1 sudu teh (5 mL) dua kali sehari.
- Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun (22–40 kg): 2 sudu teh (10 mL) dua kali sehari.

Ambil ubat ini dengan tepat seperti yang diarahkan oleh doktor. Gunakan alat sukat yang disediakan untuk memastikan dos yang betul.

Kanak-kanak yang mempunyai masalah buah pinggang atau hati:

- Jika anak anda mengalami masalah buah pinggang, doktor mungkin akan menyesuaikan dos. Ubat ini tidak digalakkan untuk kanak-kanak dengan masalah buah pinggang yang teruk.
- Jika anak anda mempunyai masalah hati, doktor mungkin akan memantau keadaan anak anda semasa mengambil ubat ini.

- Bila perlu digunakan

Ambil 2 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Adalah penting anak anda mengambil Clamovid BID Forte mengikut tempoh rawatan yang lengkap. Jangan hentikan rawatan kecuali atas nasihat doktor, walaupun anak anda sudah berasa

CLAMOVID BID FORTE GRANULES

Amoxicillin Trihydrate / Potassium Clavulanate (457 mg/5 ml)

lebih baik. Jika anak anda tidak menghabiskan rawatan sepenuhnya, jangkitan mungkin akan kembali.

Jangan mengambil Clamovid BID Forte lebih daripada 14 hari. Jika anak anda masih berasa tidak sihat, anda harus kembali berjumpa doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketidakselesaan perut dan kehilangan cecair dan elektrolit dari badan.

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna Clamovid BID Forte mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anak anda bahawa anak anda sedang menggunakan Clamovid BID Forte.

Gunakan Clamovid BID Forte hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Clamovid BID Forte kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Clamovid BID Forte boleh menyebabkan reaksi alahan yang teruk. Gejala mungkin termasuk ruam kulit, demam, gatal-gatal dan kesukaran bernafas. Jika ini berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dan dapatkan rawatan secepat mungkin.

Penggunaan untuk jangka panjang boleh meningkatkan risiko jangkitan oleh kuman lain yang tidak dapat dirawat oleh ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Clamovid BID Forte boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

Sistem penghadaman

Cirit-birit, sakit atau tidak selesa pada perut, loya atau muntah. Sesetengah orang juga boleh mendapat jangkitan kulat (contohnya di mulut atau pada kulit). Mengambil Clamovid pada permulaan waktu makan boleh membantu mengurangkan kesan ini.

Sistem kencing dan kemaluan

Gatal pada bahagian faraj, rasa sakit atau tidak selesa, atau keputihan.

Sistem saraf

Sawan (fit) boleh berlaku, terutamanya pada pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang atau yang mengambil dos yang tinggi.

Kesan pada hati

Perubahan ringan pada ujian fungsi hati mungkin berlaku, biasanya tanpa gejala. Risiko mungkin meningkat

jika ubat diambil lebih daripada 14 hari.

Reaksi alahan

Reaksi alahan seperti ruam kulit, bengkak (contohnya pada muka atau bibir), atau tindak balas alahan yang teruk boleh berlaku. Hentikan pengambilan ubat dan dapatkan rawatan perubatan segera jika gejala ini muncul.

Gangguan darah

Jarang berlaku, perubahan sementara pada sel darah boleh terjadi, seperti penurunan sel darah putih atau platelet, atau anemia.

Reaksi kulit yang teruk (sangat jarang berlaku)

Reaksi kulit yang serius seperti ruam, demam, dan melibatkan organ lain boleh berlaku. Dapatkan rawatan perubatan segera jika anda mengalami masalah kulit yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Clamovid BID Forte

- Penyimpanan

- Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.
- Simpan di tempat yang kering dalam pembungkusan asal untuk melindungi ubat daripada cahaya dan kelembapan.
- Serbuk kering hendaklah disimpan dalam bekas yang belum dibuka di tempat kering pada suhu di bawah 30°C.
- Selepas dibancuh, suspensi hendaklah disimpan di dalam peti sejuk (2°C hingga 8°C).
- Buang sebarang baki suspensi yang tidak digunakan selepas 7 hari daripada tarikh pertama kali dibancuh.

CLAMOVID BID FORTE GRANULES

Amoxicillin Trihydrate / Potassium Clavulanate (457 mg/5 ml)

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih berkrim dan bercampur rata. Apabila dibancuh dengan air, ia akan membentuk suspensi (cecair berampai)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

- Amoxicillin trihydrate
- Potassium clavulanate

- Bahan tidak aktif:

- Sodium Benzoate
- Citric acid
- Xanthan Gum
- Essence Raspberry
- Sodium Citrate
- Colloidal Silicon Dioxide
- Microcrystalline Cellulose
- Silicon Dioxide
- Powdered Sucrose

- Nombor MAL:

MAL20033972ACZ

Pengilang:

BILIM ILAC SANAYI VE TICARET A.S.

Karaagac Mah. 7, Sk. No: 7A,
Kapakli/Tekirdag 59510, Turkey.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar), 30010, Ipoh,
Perak, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP:

11/09/2026

Nombor siri:

NPRA(R4/1)100626/00029